


PELAJARAN 7 : IBLIS DAN SYAITAN YANG DURJANA

1. Allah SWT memerintahkan iblis untuk tunduk kepada nabi Adam A.S untuk _____.
A. Menyembahnya
B. Memuliakannya
C. Tanda hormat kepadanya
D. Mengikis sifat sombong yg ada padanya
2. Allah SWT memerintahkan nabi Adam A.S untuk _____.
A. Mengikut pujuk rayu syaitan
B. Tinggal di syurga
C. Mengikut pujukan hawa
D. Menghampiri sejenis pokok didalam syurga
3. Berikut ialah cara syaitan menyesatkan manusia kecuali _____.
A. Menggalakkan amalan sesat
B. Menimbulkan rasa was-was dalam diri manusia
C. Menghasut manusia supaya meninggalkan suruhan Allah SWT.
D. Mengajak manusia supaya meninggalkan larangan Allah SWT.
4. Umat Islam perlu menghindari godaan syaitan dengan memperbanyakkan ibadah sunat seperti;
I. Membayar zakat
II. Puasa ramadhan
III. Zikrullah
IV. Membaca al-Quran
A. I dan II
B. II dan III
C. I dan IV
D. III dan IV
5. Kita hendaklah menjauhi sifat _____ seperti yang ada pada iblis.
A. Ujub
B. Riak
C. Sum'ah
D. Takbur
6. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.



- I. _____ sentiasa berusaha untuk menyesatkan _____.
- II. _____ bangga dengan asal kejadiannya yang lebih baik daripada nabi Adam A.S.
- III. _____ diperbuat daripada tanah, manakala _____ diperbuat daripada api. _____ pula diperbuat daripada cahaya.
- IV. _____ perlu mengukuhkan akidah kerana akidah ialah asas kepada kekuatan iman.
- V. _____ perlu mencontohi _____ yang sentiasa taat kepada suruhan Allah SWT.